

KENYATAAN AKHBAR

PROGRAM MESRA INDUSTRI

Program Mesra Industri telah dilaksanakan oleh seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor pada tahun 2003 berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 8/2003 pada 19 Mac 2003. Pada tahun ini, Bahagian Pembangunan Sosial, Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan menjadi urusetia dan penyelaras aktiviti di peringkat Majlis yang akan menganjurkan Program Mesra Industri ini nanti.

Antara aktiviti Program yang akan dijalankan adalah Sukan Futsal, Bola Jaring dan karaoke untuk pekerja-pekerja industri yang menetap di kawasan Majlis.

Berdasarkan keputusan MMKN 8/2003 di mana program-program di bawah Mesra Industri perlaksanaannya dibuat di peringkat zon mengikut PBT masing-masing dan segala kos perbelanjaan aktiviti di peringkat PBT akan ditanggung oleh pihak PBT dengan kadar yang paling minima.

Sukan Mesra Industri ini mempunyai objektif yang tersendiri yang mana ia dapat menggalakkan penyertaan semua pihak terutama golongan pekerja sektor industri (Perkilangan dan Komersial) di dalam komuniti agar dapat mewujudkan suasana harmoni dan mesra.

Secara tidak langsung ia juga dapat mengurangkan gejala sosial di kalangan pekerja industri dan seterusnya menjana keseimbangan persekitaran sosial yang mampan. Ia juga akan mewujudkan gaya hidup sihat dan cergas melalui aktiviti sukan yang dianjurkan.

Program ini juga merupakan satu landasan untuk merapatkan hubungan dua hala di antara pihak Majlis dengan pihak industri sebagai pembayar cukai serta dapat mempromosikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai pusat kemudahan sukan dan rekreasi yang unggul kepada masyarakat luar.

Program yang akan berlangsung pada 15 Julai ini nanti akan mempertandingkan pelbagai acara sukan antaranya Kategori Utama (Pertandingan untuk merebut Piala Datuk Bandar) Pertandingan Futsal untuk lelaki dan Bola jaring untuk perempuan.

Untuk Kategori Sampingan pula acara-acara yang akan dipertandingkan seperti Pertandingan Sepak Takraw, Pertandingan Ping Pong (lelaki), Pertandingan karaoke (terbuka lelaki / perempuan), Pertandingan Gaya Tudung (perempuan) dan Pertandingan Gubahan Kreatif untuk perempuan. Tidak ketinggalan pihak penyelaras turut menyediakan Plak Penghargaan bagi Anugerah Khas kepada Syarikat Industri (Pelaburan Tertinggi di Petaling Jaya).

Di keluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my